



**PERBADANAN LABUAN  
PETI SURAT 81245  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

---

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

**1. JAWATAN : JURUAUDIT**

GRED : W41  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN KEWANGAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
TARAF JAWATAN : KONTRAK  
BILANGAN KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN  
JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,925.00	RM8,685.00	RM225.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan : RM2,131.73]

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan : RM2,650.63]
  - (iii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
[Gaji Permulaan : RM2,650.63]
  - (iv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
[Gaji Permulaan : RM2,754.41]
  - (v) Ahli Penuh Malaysia Institut Akauntan Malaysia.  
[Gaji Permulaan : RM2,858.19]
- (b) Lulus B.M. (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **DESKRIPSI TUGAS**

- i) Menjalankan auditan pengurusan kewangan, prestasi dan pengurusan maklumat;
- ii) Menyediakan Memorandum Rancangan Audit dan Laporan Audit; dan
- iii) Membantu tugas – tugas Pengarah dalam pengurusan Jabatan Audit Dalam.

**2. JAWATAN : AKAUNTAN**

GED : W 41  
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN KEWANGAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
TARAF JAWATAN : KONTRAK  
BILANGAN KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN  
JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,925.00	RM8,685.00	RM225.00

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji Permulaan : RM2,650.63]
  - (ii) Ahli Penuh Badan-badan Iktisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
[Gaji Permulaan : RM2,650.63]
  - (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Iktisas Perakaunan diiktiraf oleh Kerajaan;  
[Gaji Permulaan : RM2,754.41]
  - (iv) Ahli penuh Institut Akauntan Malaysia  
[Gaji Permulaan : RM2,858.19]

- (b) Lulus B.M. (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk mengendali dan menyelia sistem perakaunan dan sistem aset, menyediakan penyata kewangan termasuk lain-lain laporan kewangan, mengesahkan baucar bayaran, mengendalikan bayaran gaji kakitangan dan menyediakan maklumbalas pihak audit.

### 3. JAWATAN : PENOLONG AKAUNTAN

GRED	:	W 27
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,367.00	RM5,098.00	RM145.00

### SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (i) Diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
[Gaji Permulaan : RM1,667.08]

- (ii) *Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrator of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan : RM1,892.68]

- (b) Lulus B.M. (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### DESKRIPSI TUGAS

Menyelia dan memantau tugas kutipan hasil, menyediakan penyata penyesuaian bank, memeriksa baucar bayaran, memeriksa tuntutan perjalanan sara hidup kakitangan dan menyediakan laporan kewangan.

#### 4. JAWATAN : PEMBANTU KEMAHIRAN

GRED	:	H 17
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
BILANGAN KEKOSONGAN	:	1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI	:	

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM935.00	RM3,490.00	RM95.00

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran

Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji Permulaan : RM1,318.42] atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
[Gaji Permulaan : RM1,318.42] dan

(b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajara Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **DESKRIPSI TUGAS**

Bertanggungjawab untuk melaksana dan menyempurnakan program penyelenggaraan pencegahan/berjadual, pemulihan dan ramalan untuk kenderaan berat dan ringan. Tugas termasuk membantu menyediakan jadual selenggara bulanan, pesanan alat ganti, kesan kerosakan, kerja selenggara pemulihan dan berjadual, rekod kerja harian dan bulanan, ujilari, semakan kerja selenggara dan tugas-tugas berkaitan dalam operasi bengkel automotif.

#### **BIDANG      STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN      TAHAP**

##### **Kenderaan Motor**

P-030-2 Mekanik Kenderaan Perdagangan	2
P-030-3 Juruteknik Kenderaan Perdagangan	3
P-115-2 Mekanik Kenderaan Motor	2
P-115-3 Juruteknik Kenderaan Motor	3

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)
- b) Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta **Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**;
- c) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, sijil kegiatan luar, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal**;
- d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjurong kiri sampul surat dan borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **29 Disember 2014 (Isnin)** ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN LABUAN  
WISMA PERBADANAN LABUAN  
JALAN DEWAN  
PETI SURAT 81245  
87022 W.P. LABUAN  
(U/P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

- e) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan dengan menghubungi talian 087-581817, 581819, dan 581814;
- f) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- g) Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga;
- h) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- i) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.